**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## KAJIAN KES 3

Puan Siti Aishah telah dilantik ke Skim Perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11 mulai 15 Julai 2002 bertugas di Klinik Kesihatan Daerah Rompin dan diberikan pengesahan dalam perkhidmatan mulai 16 Julai 2003. Pada tahun 2009, Puan Siti Aishah telah menerima opsyen tukar lantik ke Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat Gred U19 berkuat kuasa 1 Julai 2009 dan disahkan perkhidmatan pada 2 Julai 2009.

**Soalan:**

1. Bilakah tarikh layak kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK 13 Tahun) ke Gred U24 bagi Puan Siti Aishah dalam keadaan berikut:

    i. Puan Siti Aishah dikenakan hukuman tatatertib "Amaran" pada 1 Januari 2022 dan beliau tidak mempunyai tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira dalam pertimbangan kenaikan pangkat.

    ii. Puan Siti Aishah dikenakan hukuman tatatertib "Denda" pada 1 Jun 2010 dan beliau tidak mempunyai tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira dalam pertimbangan kenaikan pangkat.

2. Bolehkah Puan Siti Aishah memohon pemangkuan Jururawat Masyarakat ke Gred U24 setelah dinaikkan pangkat ke Gred U24 secara TBK 13 Tahun? Jelaskan.

3. Puan Siti Aishah telah berjaya pemangkuan ke Gred U24 pada 10 Mei 2022 dan beliau telah genap tempoh perkhidmatan yang melayakkan untuk kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun pada 1 Julai 2022. Bilakah tarikh kenaikan

pangkat Puan Siti Aishah? Adakah beliau layak dipertimbangkan mengisi jawatan secara hakiki?

**Jawapan:**

1. i. Tarikh layak kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun adalah pada 1 Januari 2023 (sehari selepas tamat tempoh hukuman tatatertib). Tempoh perkhidmatan Puan Siti Aishah dalam Skim Perkhidmatan Penolong Jururawat adalah tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh 13 tahun yang melayakkan dalam Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat. Tempoh perkhidmatan 13 tahun dikira mulai dari tarikh tukar lantik ke Skim Perkhidmatan baru iaitu pada 1 Julai 2009.

   ii. Tarikh layak kenaikan pangkat secara TBK 13 Tahun adalah pada 1 Julai 2022 (sehari selepas tempoh genap 13 tahun yang melayakkan mulai dari tarikh tukar lantik ke Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat). Tempoh hukuman tatatertib tidak menjejaskan tempoh perkhidmatan yang boleh diambilkira.

2. Tidak boleh. Ini kerana Puan Siti Aishah telah dinaikkan pangkat ke Gred U24 secara TBK 13 Tahun. Walau bagaimanapun, Puan Siti Aishah adalah layak untuk memohon pemangkuan ke gred yang lebih tinggi dalam urusan pemangkuan yang akan datang.

3. Tarikh kenaikan pangkat Puan Siti Aishah adalah mulai tarikh beliau diperakukan kenaikan pangkat ke Gred U24 secara TBK 13 Tahun iaitu pada 1 Julai 2022. Beliau boleh dipertimbangkan mengisi jawatan secara hakiki mulai tarikh beliau diarah memangku iaitu pada 10 Mei 2022.

**Sumber rujukan:**


1. P.U.(A) 1/2012 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan)
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010 - Panduan Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
3. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2009 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2013 - Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Yang Berada Di Gred Lantikan
5. Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993